# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 FEBRUARI 2026 (JUMAAT)

| Selangot to Close Pig Farms, Rely on Pork Imports | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| NST | Nation | 5 | 13 Feb |

SULTAN'S DECREE

# Selangor to close pig farms, rely on pork imports

**SHAH ALAM:** Selangor will rely entirely on imported pork supplies for its non-Muslim community as the state moves to shut down all pig farms and cease issuing licences.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the decision was made during a state executive council meeting following a decree by the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.



*Datuk Seri Amirudin Shari*

"The state government upholds the latest decree by the sultan of Selangor, who expressed that he does not consent to pig farming being carried out in any district in Selangor," he said yesterday.

Amirudin noted that the state had stopped issuing new licences in January and was focusing on vacating existing farms in Tanjong Sepat, Kuala Langat, as decreed by the sultan last month.

"Following the latest decree, the state government will not continue granting pig farming licences to any party in Selangor," he said.

Existing farms would be closed quickly in coordination with the Selangor Veterinary Services Department.

Amirudin revealed that 70 per cent of the pork supply for the non-Muslim community in the state was currently imported from other states.

"Following the council's decision, local requirements will be met entirely through imports by the industry. Any issuance and approval of import licences will be referred to the federal government, in line with its licensing jurisdiction.

"With this decision, any polemic regarding the pig farming issue must end and not be prolonged by any party, especially those aiming to threaten harmony and cause suspicion among Selangor's multiracial and multi-religious society," he added.

| Selangor Import Daging Babi Sepenuhnya Penuhi Keperluan | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Berita Harian | Nasional | 6 | 13 Feb |



# Selangor import daging babi sepenuhnya penuhi keperluan

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor bersetuju keperluan daging babi bagi pasaran negeri itu diimport sepenuhnya, selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata perkara itu diputuskan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan.

"Setakat ini, 70 peratus daripada keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi import dari negeri lain.

"Keputusan ini diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan ini kepada alam sekitar, termasuk saliran air dan pencemaran bau," katanya dalam kenyataan semalam.

Amirudin berkata sejak Januari lalu, kerajaan negeri sudah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan menumpukan kepada pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjong Sepat.

Beliau berkata, sebagai menjunjung titah Sultan Sharafuddin, kerajaan negeri juga tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di Selangor.

"Bagi ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini, kawasan itu akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar Selangor," katanya.

Amirudin berkata, polemik berkaitan isu itu wajar dihentikan agar tidak menggugat keharmonian dan menimbulkan syak wasangka dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Sebelum ini, Sultan Sharafuddin bertitah tidak memperkenan penternakan babi untuk dijalankan di mana-mana daerah di Selangor berikutan risiko menyebabkan pencemaran yang mampu memudaratkan penduduk sekitar.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani dalam kenyataan berkata, baginda menegaskan penternakan babi boleh menyebabkan pencemaran udara dengan mengeluarkan bau busuk serta mengganggu sumber air sungai akibat pelepasan najis dan sisa kumbahan binatang itu.

BERNAMA

Sultan Sharafuddin tak berkenan penternakan babi di Selangor

*Keratan akhbar BH kelmarin.*

| Selangor Henti Semua Ladang Babi, Import 100 Peratus | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Utusan Malaysia | Dalam Negeri | 3 | 13 Feb |

# Selangor henti semua ladang babi, import 100 peratus

**Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Kerajaan Negeri Selangor menghentikan semua aktiviti penternakan babi dan akan mengimport sepenuhnya daging haiwan itu bagi memenuhi keperluan masyarakat bukan Islam.

Keputusan itu bakal menamatkan semua polemik berkaitan isu penternakan babi oleh mana-mana pihak.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia diputuskan dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) semalam, selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

**Bersambung di muka 3**

# Selangor henti semua ladang babi, import 100 peratus

**Dari muka 1**

Katanya, sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen.

"Setakat ini, 70 peratus daripada keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi bersumberkan import dari negeri-negeri lain dan selepas keputusan MMKN, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terbabit," katanya dalam kenyataan.

Selasa lalu, Sultan Sharafuddin tidak memperkenan sebarang aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.



**AMIRUDIN SHARI**

Baginda bertitah, penternakan haiwan tersebut dikenal pasti menyebabkan pencemaran alam sekitar, udara yang ketara akibat bau busuk, selain berpotensi mencemarkan sumber air sungai melalui pelepasan sisa kumbahan.

Sultan Sharafuddin bertitah, sebagai contoh cadangan untuk menjalankan penternakan babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor adalah tidak wajar memandangkan kawasan itu merupakan penempatan majoriti orang Melayu dan melibatkan kawasan Felda, sekali gus dijangka menerima bantahan penduduk setempat.

Amirudin berkata, penutupan ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini seperti di Tanjong Sepat, Kuala Langat akan dipercepat secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV).

"Sejak Januari, kerajaan negeri menghentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan memfokuskan kepada pengosongan tapak ladang yang sedia ada di Tanjong Sepat, menjiwai titah Sultan Selangor yang dizahirkan pada bulan lalu.

"Dalam menjunjung kasih titah terbaharu Sultan Selangor, melangkah ke hadapan, kerajaan negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di Selangor," katanya.

Pada 12 Januari lalu, Sultan Sharafuddin bertitah, perancangan berskala besar adalah tidak wajar dengan realiti demografi serta keharmonian masyarakat di negeri ini.

| Selangor Import Semua Daging Babi | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo | Negara | 13 | 13 Feb |




GAMBAR fail bertarikh 13 September 2022 menunjukkan pemandangan udara ladang ternakan babi di Tanjong Sepat, Kuala Selangor.

# Selangor import penuh daging babi

- **Kerajaan negeri junjung titah Sultan Sharafuddin**
- **Kini sedang fokus kosongkan kandang di Tanjung Sepat**

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Kerajaan negeri akan mengimport sepenuhnya daging babi dalam memenuhi keperluan masyarakat bukan Islam di Selangor selaras dengan menjunjung kasih titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu hasil Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan ini kepada alam sekitar termasuk saliran air dan pencemaran bau.

Katanya, setakat ini sebanyak 70 peratus daripada keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi bersumberkan import dari negeri-negeri lain.

"Selepas keputusan MMKN, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terbabit. Sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen," katanya dalam kenyataan semalam.

Justeru, beliau menegaskan sebarang polemik berkaitan isu babi harus dihentikan dan tidak dipanjangkan oleh mana-mana pihak yang mungkin bertujuan menggugat keharmonian dan menimbulkan perasaan syak wasangka antara masyarakat Selangor yang berbilang kaum dan agama.

Amirudin berkata, kerajaan negeri menjunjung kasih titah terbaru Sultan Sharafuddin yang menzahirkan tidak memperkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.

Malah, Amirudin memaklumkan, pengeluaran lesen penternakan babi telah diberhentikan sejak Januari lalu.

"Sebaliknya, memfokuskan kepada pengosongan tapak ladang yang sedia ada di Tanjong Sepat, menjiwai titah Sultan Selangor yang dizahirkan baginda bulan lalu.

"Melangkah ke hadapan, kerajaan negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di Selangor," ujarnya.

Katanya, ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor.

Kelmarin *Kosmo!* melaporkan, Sultan Sharafuddin Idris Shah tidak berkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di negeri ini yang boleh menyebabkan pencemaran bau dan sumber air sungai.

Baginda turut menyarankan agar pihak kerajaan dapat memberi lesen untuk pengimportan daging babi bagi menampung permintaan dan keperluan orang bukan Islam khususnya kaum Cina di Selangor sahaja.

| Virus Nipah Masih Wujud, Wabak Boleh Muncul Semula | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo | K! Wanita | 22 | 13 Feb |

Kesihatan



Oleh **PROF. DR. NURUL AZMAWATI MOHAMED dan PROF. MADYA DR. MOHD DZULKHAIRI MOHD RANI**



**JANGKITAN virus Nipah pada manusia bermula dengan gejala tidak spesifik seperti demam, sakit kepala, sakit otot, keletihan dan muntah.** – GAMBAR HIASAN

# Virus Nipah masih wujud, wabak boleh muncul semula

LAPORAN terkini mengenai penularan wabak Nipah di India merupakan satu peringatan bahawa virus itu masih wujud dan jangkitan boleh muncul semula.

Pada 26 Januari lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan dua kes jangkitan virus Nipah di Bengal Barat, India melibatkan kakitangan kesihatan berusia sekitar 20 hingga 30 tahun.

Jangkitan itu dikesan pada akhir tahun lalu dan disahkan melalui ujian makmal. Satu kes memerlukan bantuan pernafasan, manakala satu lagi kes mengalami penyakit neurologi teruk tetapi telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

Kira-kira 190 individu yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit telah diuji dan semuanya negatif, tanpa kes lanjutan setakat ini.

WHO menilai risiko penularan di peringkat global dan serantau sebagai rendah. Namun, risiko di peringkat tempatan dianggap sederhana kerana penyakit itu boleh membawa maut.

Sehingga kini, tiada vaksin atau rawatan khusus untuk jangkitan ini.

Sejarah virus Nipah bermula di Malaysia pada tahun 1998 hingga 1999 apabila satu wabak besar berlaku dalam kalangan penternak babi dan komuniti sekitarnya di Perak dan Negeri Sembilan.

Virus itu pertama kali dikenal pasti di Kampung Sungai Nipah, Negeri Sembilan, dan dinamakan sempena kampung tersebut.

Wabak itu telah mengakibatkan 265 kes keradangan otak yang teruk dengan 105 kematian, serta hampir melumpuhkan industri penternakan babi bernilai berbilion ringgit.

Pada peringkat awal, wabak itu disangka sebagai jangkitan radang otak yang disebabkan oleh virus ensefalitis Jepun (JE) hingga menyebabkan langkah kawalan awal tidak berkesan.

Titik perubahan penting berlaku apabila agen penyebab sebenar berjaya dikenal pasti melalui pengasingan virus daripada cecair serebrospina pesakit.

Penyebaran virus Nipah di Malaysia sebelum ini disebabkan oleh pergerakan babi antara ladang, dan antara negeri di Semenanjung.

Pemindahan haiwan ternakan yang dijangkiti telah mempercepatkan penularan virus dalam industri penternakan.

Jangkitan kepada manusia berlaku melalui kontak rapat dengan babi yang dijangkiti, terutama dalam kalangan penternak dan pekerja ladang.

Pada ketika itu, penularan daripada manusia ke manusia dianggap jarang berlaku, walaupun virus Nipah berjaya diasingkan daripada air liur, air kencing serta rembesan hidung dan tekak pesakit.

Siasatan lanjut telah mengenal pasti bahawa kelawar buah daripada spesies Pteropus sebagai perumah semula jadi virus Nipah.

Kelawar ini membawa virus tanpa menunjukkan tanda penyakit dan menyebarkannya melalui air kencing, air liur dan najis. Perubahan persekitaran, termasuk kemusnahan habitat hutan, kemarau berkaitan fenomena El Nino dan penghijrahan kelawar ke kawasan ladang buah serta ladang ternakan telah meningkatkan interaksi antara hidupan liar, haiwan ternakan serta manusia.



**PENYEBARAN virus Nipah di Malaysia sebelum ini disebabkan oleh pergerakan babi antara ladang dan antara negeri di Semenanjung.** – GAMBAR HIASAN

Keadaan itu membuka laluan kepada penularan virus Nipah daripada alam semula jadi ke dalam rantaian makanan, seterusnya kepada manusia.

Jangkitan virus Nipah pada babi boleh menyebabkan demam, batuk, sukar bernafas dan hingus berbuih. Dalam sesetengah kes, berlaku gangguan saraf.

Walaupun kebanyakan babi tidak mati, namun haiwan itu yang dijangkiti menghasilkan virus dalam jumlah tinggi dan menjadi sumber utama penularan kepada manusia melalui kontak rapat.

Jangkitan pada manusia pula bermula dengan gejala tidak spesifik seperti demam, sakit kepala, sakit otot, keletihan dan muntah. Dalam tempoh beberapa hari, sebahagian pesakit boleh mengalami radang otak teruk, mengalami kekeliruan, perubahan tingkah laku, sawan dan koma.

Sesetengah pesakit turut mengalami masalah pernafasan yang serius.

Penyakit ini boleh berkembang cepat dan membawa maut dalam masa singkat, dengan kadar kematian yang dilaporkan antara 40 hingga 75 peratus.

Pesakit yang terselamat juga berisiko mengalami kesan neurologi jangka panjang.

Selepas tahun 1999, wabak Nipah tidak lagi berlaku di Malaysia, namun virus itu terus mencetuskan kejadian berulang di beberapa negara Asia, khususnya di India dan Bangladesh.

Di India, kebanyakan wabak Nipah dilaporkan di Kerala yang sering dikaitkan dengan pengambilan air nira mentah tercemar disebabkan kelawar buah.

Pengalaman Malaysia telah membentuk pemahaman saintifik global tentang virus Nipah dan kepentingan pendekatan 'One Health' iaitu pengurusan kesihatan manusia, haiwan serta alam sekitar secara bersepadu.

Penyakit zoonotik seperti Nipah tidak boleh dikawal melalui rawatan perubatan semata-mata, sebaliknya memerlukan pengurusan ternakan selamat, kawalan pergerakan haiwan, pemeliharaan alam sekitar serta kesedaran orang awam.

Bagi rakyat Malaysia, walaupun tiada kes Nipah dilaporkan ketika ini, namun kewaspadaan orang awam adalah benteng utama pencegahan.

Malaysia berada di kawasan tropika yang menjadi habitat semula jadi kelawar buah.

Tabiat seperti memakan buah yang mungkin telah tercemar atau minum air nira mentah perlu dielakkan.

Langkah pencegahan berkesan adalah membasuh buah dengan teliti, memastikan makanan dan minuman diproses dengan selamat serta mengelak sentuhan haiwan liar atau sakit.

Individu yang mengalami demam, sakit kepala berterusan atau gejala neurologi selepas pendedahan berisiko perlu mendapatkan rawatan perubatan segera.

Kes Nipah di India hari ini mengingatkan kita, biarpun risiko penularan antarabangsa dinilai rendah, namun virus itu masih wujud dan berpotensi muncul semula. Kesedaran, pengetahuan dan tindakan pencegahan oleh setiap individu adalah kunci untuk melindungi diri, keluarga serta negara daripada ancaman penyakit itu.

**PROF. DR. NURUL AZMAWATI MOHAMED** merupakan Pakar Mikrobiologi Klinikal, manakala Prof. Madya Dr. Mohd. Dzulkhairi Mohd. Rani ialah Pakar Perubatan Kesihatan Awam. Kedua-dua mereka daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

| Selangor Henti Lesen Baharu Ternak Babi | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| My Metro | Lokal | 17 | 13 Feb |

**PENUTUPAN LADANG SEDIA ADA DIPERCEPAT: MB**

# Selangor henti lesen baharu ternak babi

**Oleh Ruwaida Md Zain**
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Selangor tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi di negeri ini, malah penutupan ladang penternakan babi sedia ada akan dipercepatkan.



Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari ***(gambar)*** berkata, ketetapan itu diputuskan menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung isu yang memberikan kesan kepada rakyat ketika ini.

"Kerajaan Negeri menjunjung kasih titah terbaharu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah apabila baginda menzahirkan tidak memperkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.

"Sejak Januari lalu, kerajaan negeri sudah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan memfokuskan kepada pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjong Sepat, Kuala Langat sebagaimana titah Sultan Selangor yang dizahirkan bulan lalu.

"Dalam menjunjung kasih titah terbaharu Tuanku, kerajaan negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di negeri Selangor," katanya, semalam.

Pada masa sama, katanya, bagi ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini, kawasan terbabit akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor.

"Setakat ini, 70 peratus daripada keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi bersumberkan import dari negeri lain. Dan selepas keputusan MMKN, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terbabit. Sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen," katanya.

Beliau menjelaskan keputusan berkenaan diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan ini kepada alam sekitar termasuk saliran air dan pencemaran bau.

"Dengan keputusan ini, sebarang polemik berkaitan isu babi harus dihentikan dan tidak dipanjangkan oleh mana-mana pihak yang mungkin bertujuan menggugat keharmonian dan menimbulkan perasaan syak wasangka di antara masyarakat negeri Selangor yang berbilang kaum dan agama," katanya.

| Bala Bawa Babi Thailand | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| My Metro | Mutakhir | Dalam Talian | 12 Feb |




*BALVEER Singh (kanan) menunjukkan sebahagian daripada 40 karkas babi yang dirampas. FOTO Zuliaty ZulkiffliAwani*

Bukit Kayu Hitam: Dua lelaki diberkas polis selepas dikesan menyeludup dan cuba menghantar 40 ekor daging bertulang babi ke Pulau Pinang.

Difahamkan tindakan suspek berjaya dipintas Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis melalui operasi Op Taring Chiller, kelmarin.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta, Perak, Senior Asisten Komisioner Balveer Singh berkata, polis melalui Cawangan Risik Batalion 1 Briged Utara berjaya mengesan dan menahan lori dipandu suspek di Jalan Utama Hulu Pauh Chuping, Padang Besar, Perlis.

Beliau berkata, lori itu dikesan membawa muatan karkas babi yang disyaki diseludup dari Thailand tanpa sebarang permit atau dokumen kebenaran sah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Pemeriksaan lanjut ke atas lori itu menemui 40 ekor karkas babi yang sudah dipotong di bahagian sejuk beku lori itu.

"Hasil siasatan mendapati dua lelaki itu diupah untuk membawa karkas babi berkenaan. Polis masih menyiasat sama ada mereka terbabit dengan sindiket tertentu.

"Siasatan awal mendapati, bekalan karkas babi itu akan dihantar ke Pulau Pinang untuk pasaran tempatan sempena musim perayaan ini, " katanya.

Balveer berkata, siasatan mendapati, karkas babi itu akan dibawa ke salah sebuah pusat penyembelihan di Pulau Pinang sebelum ia diagihkan.

Beliau berkata, berikutan itu dua lelaki tempatan terbabit yang berusia 32 dan 63 tahun itu ditahan untuk membantu siasatan.

"Kesemua karkas babi itu dianggarkan bernilai RM96,360 dan dirampas untuk tindakan lanjutm" katanya.-MYMETRO

| #HEALTH: Battling The Superbug | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| NST | Lifestyle | Dalam Talian | 12 Feb |



*Antibiotics' early reputation as 'miracle drugs' led generations of clinicians and patients to believe that modern infections could easily be treated with them. PICTURE CREDIT: WIRESTOCK - FREEPIK*

ANTIMICROBIAL resistance has resulted in infections that are difficult and costly to treat, require lengthier hospital stays and spread more easily within communities and healthcare facilities.

The rapid global spread of these resistant organisms has further intensified the problem as it moves easily across borders through travel, trade and food systems, facilitating the rapid dissemination of antimicrobial resistance worldwide.

In fact, super bug or antimicrobial resistance (AMR) has emerged as one of the most pressing public health threats of our time.

-Advertisement-

It occurs when microorganisms such as bacteria, viruses and fungi develop the ability to survive exposure to drugs designed to kill them or curb their effect.

As a result, standard treatments become increasingly less effective or even futile, allowing infections, at times life-threatening, to persist and spread.

Over time, AMR develops mechanisms that prevent medicines from working as they usually do.

While this resistance can arise naturally, it is typically accelerated by the misuse and overuse of antimicrobials in humans, animals and agriculture, as well as poor infection prevention and control practices, says Associate Professor Dr Cindy Teh Shuan Ju from Universiti Malaya's department of medical microbiology, faculty of medicine.

The World Health Organisation (WHO) estimates that AMR contributed to 4.95 million deaths globally in 2019. Without effective interventions, this figure could rise to 10 million deaths annually by 2050, placing AMR infections on a par with other more common causes of death such as cancer, diabetes and car accidents.

Closer to home, in the Health Ministry's Key Health Indicators Report 2023, the mortality rate attributed to antibiotic-resistant bacterial pathogens was 0.03 per 100,000 population.

Malaysia has recorded a significant upward trend in carbapenem-resistant organisms, which are classified as MDROs, says Teh, citing the ministry's National Antibiotic Resistance Surveillance Report 2024.

MDROs are essentially bacteria and microorganisms resistant to three or more families of antibiotics.

The rise of MDROs in Malaysian hospitals has become increasingly evident, signalling the urgent need for stronger and more effective infection prevention measures.

Teh says this challenge, however, is not unique to Malaysia. Neighbouring countries in the region are seeing similar trends, giving rise to MDROs causing serious consequences to more vulnerable populations, particularly children and the elderly who have developing or weaker immune systems that are more susceptible to severe, prolonged and recurrent infections.

The rise of MDROs also puts tremendous pressure on the healthcare system, including infection prevention and

control teams, as there is a need for stricter infection control measures, such as intensified surveillance, isolation protocols and environmental decontamination.

But despite its severity, AMR remains widely underestimated.

AMR is often seen as a "distant problem" rather than an immediate, visible threat, says Biorism Holdings Sdn Bhd research and development manager Dr Woon Jia Jie.

"Because antibiotics have been effective, affordable and widely accessible for decades, many people assume they will always work," says Dr Woon.

Antibiotics' early reputation as "miracle drugs" led generations of clinicians and patients to believe that modern infections could be easily treated with them.

Over time, antibiotics became normalised as a routine solution rather than being treated as a finite medical resource, adds Dr Woon.

**STOPPING IT IN ITS TRACKS**

Nanotechnology has emerged as a powerful tool for infection prevention. For example, medical devices coated with nanoparticles can inhibit bacterial attachment and growth, says Dr Teh.

Solutions that leverage nanotechnology have been shown to raise the bar in disinfectant efficacy. When used correctly and consistently, these disinfectants play a pivotal role in breaking the chain of infection by effectively killing or inactivating harmful pathogens on surfaces, preventing them from reaching humans and causing illness, says Dr Teh.

"This is particularly important in healthcare settings, schools and public places, where high-touch surfaces can easily become hotspots for pathogen transmission."

Dr Woon adds that reducing microbial populations before pathogens can reach patients, surfaces or medical equipment, lowers the chance for AMR genes to undergo horizontal transfer to other microorganisms. However, not all disinfectants are equally effective.

"Some products target only general bacteria and may not fully eliminate more resilient and resistant organisms, and human factors such as inappropriate dosing, incomplete application or

inconsistent disinfection also allow resistant pathogens to persist."

Most importantly, since human error is inevitable, the formulation of the disinfectant itself becomes critical.

Dr Teh adds that while regular and proper use of an effective disinfectant can help reduce microbial load by breaking the chain of infection and significantly lowering the risk of disease transmission, some basic preventive measures remain fundamental.

To reduce infection and limit the need for antibiotics, people should also be aware of the importance of regular hand hygiene, proper personal and food hygiene and vaccination.

In addition, access to clean water and sanitation practices are also crucial in preventing infections caused by contaminated water and environments.

With misuse still being a key driver of resistance, there must also be more responsible practices by healthcare professionals and the public in the fight against AMR.-NST

| Pork Importers Back Pig Farming Ban in Selangor | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Code Blue | News | Dalam Talian | 12 Feb |




*Persatuan Pengimport Produk Khinzir Malaysia (PPPKM) chairman Chong Kam Weng. Photo from author.*

KUALA LUMPUR, Feb 10 — Pork importers have expressed support for Selangor relying entirely on imported pork instead of local pig farming, citing high compliance costs, land constraints, and existing import capacity.

Persatuan Pengimport Produk Khinzir Malaysia (PPPKM) chairman Chong Kam Weng said the investments required for large-scale, environmentally controlled pig farms in a developed state like Selangor would not justify the returns to the public, adding that demand may not be sufficient to offset the cost of maintaining high-technology pollution controls.

"[Selangor] is already a developed state. The investments are not worth the benefits to the rakyat, and the Chinese population is not big enough to support the cost of environmentally friendly technology. I agree with Tuanku's decree," Chong told CodeBlue when contacted, comparing

Selangor to Singapore.

In a statement released by the Selangor palace Tuesday, Sultan Sharafuddin Idris Shah called for a statewide pig farming ban, proposing pork imports to meet demand among non-Muslim communities in the state.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari has since announced that the state will fully rely on pork imports and cease issuing pig farming licences, with existing farms to close in stages following a Selangor executive council decision aligned with Sultan Sharafuddin's decree.

The move effectively cancels the Bukit Tagar centralised pig farming project, with pork import licences to be issued by the federal government.

Chong argued that local farmers generally cannot afford the scale and technology needed to control pollution, adding that pig farms should be located far from residential areas.

"Tuanku is right – a pig farm must be 100km away from the nearest human residence. Selangor doesn't have this large radius, unlike a country like Brazil," he said.

Chong claimed that imported pork already makes up the bulk of supply, estimating that imports cover about 80 per cent of current market demand, with the remainder largely from households that prefer buying fresh local pork at wet markets.

"Actually, imported pork already covers about 80 per cent of market demand. Only some households or aunties like to buy local pork at the pasar," he said.

Chong also described imported pork as "cheaper and safer", alleging that local pig farming is not always properly regulated, particularly in drug usage and slaughtering practices, and said he personally only consumes imported pork.

"Imported pork is cheaper and safer to eat, as local pig farming is not properly regulated, especially in the drugs used and slaughtering methods. I have abstained from taking local pork for 18 years as I don't trust it is safe to eat. I take imported only," Chong said.

According to Chong, supply disruptions are unlikely as the Department of Veterinary Services (DVS) has approved 147 foreign processing plants worldwide, and importing pork is generally less costly than local production.

However, when asked

whether he would support Malaysia completely relying on pork imports and shutting down the domestic pig farming industry nationwide, Chong declined to comment.

Chong previously defended DVS' approval of pork imports from Thailand and Brazil amid concerns over African swine fever (ASF), saying food safety and consumer confidence were "non-negotiable" and that all foreign plants undergo "rigorous audits".

However, Chong noted in his statement last Sunday that importers were not advocating long-term reliance on imports and supported modern pig farming to rebuild domestic supply, contrary to his latest statement to CodeBlue.

Malaysia's self-sufficiency ratio (SSR) for pork plummeted from 84.6 per cent in 2022 to 69.6 per cent in 2023 due to persistent ASF outbreaks. The SSR stood at 67.8 per cent in 2024, representing the lowest level in recent years.-CODEBLUE

| Govt Planning to Mandate Microchips in Pet Dogs | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| FMT | Nation | Dalam Talian | 12 Feb |



*It is currently not mandatory for pet dogs and cats to be microchipped, though it is strongly encouraged, said minister Mohamad Sabu. (Envato Elements pic)*

PETALING JAYA: The government plans to make it mandatory for pet dogs to have microchips and identification cards in order to be licensed with the relevant local authorities.
Agriculture and food security minister Mohamad Sabu said the veterinary services department (DVS) and the housing and local government ministry were working on this initiative together.

"A pilot project will be held to evaluate the feasibility of this initiative," he said in a written parliamentary reply.

Mohamad said it is currently not mandatory for pet cats and dogs to be microchipped before receiving their routine vaccines, though it is strongly encouraged.

He said pet owners are also strongly advised to obtain animal identification cards from state DVS clinics or private veterinary clinics appointed by the department.

“This is to encourage responsible pet ownership while ensuring the health, welfare and wellbeing of the animals,” he added.

Mohamad was responding to Wong Shu Qi (PH-Kluang), who asked if the government plans to make it mandatory for all pet dogs and cats to be microchipped to discourage owners from abandoning their pets.-FMT

| Experts: Selangor's Full Import of Pork a Greener Option | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| BERNAMA | General | Dalam Talian | 12 Feb |

SHAH ALAM, Feb 12 (Bernama) -- Selangor's decision to fully import pork to meet state demand is viewed by experts as a more sustainable approach to environmental preservation compared with continuing local pig farming, even under strict controls.

President of the Association of Water and Energy Research Malaysia (AWER) S. Piarapakaran said the move reduces risks to water sources, as the state's geography and interconnected drainage systems make large-scale pig farms a high pollution risk.

"Selangor is a developed state but lacks quality raw water. Its interconnected drainage and river systems mean uncontrolled farms can cause serious odour and water pollution.

Considering population density and water scarcity, this decision is a more sustainable option," he told Bernama today.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the state government agreed that pork requirements be fully imported, in line with the directive of Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, with production and import licensing subject to federal approval.

With 70 per cent of Selangor's pork already imported from other states, the move aims to address public concerns over environmental impacts.

Piarapakaran, who is also chief executive officer of the Centre for Water and Energy Sustainability (CWES), cited past pollution cases, including Tanjong Sepat, which affected downstream rivers and coastal ecosystems.

He added that the Department of Environment (DOE) regularly lists pig farms as major contributors to water pollution, and stressed that any farm closures should be accompanied by recovery measures prioritising the treatment and rehabilitation

of waste ponds to restore groundwater and treated effluent.

“Monitoring of rivers and coastal areas is essential to track recovery, and treated waste must be disposed of appropriately,” he said.

Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said the policy aligns with the National Environment Policy, which emphasizes sustainable development, responsible resource management and strict environmental standards.

“As a developing nation, we should have a modern, efficient livestock industry tightly regulated with strict food safety, animal welfare and environmental sustainability standards. In reality, these standards have yet to be fully achieved,” he said.

He also cautioned that a full switch to imported pork could pose food security risks, as the issue is not just supply adequacy but excessive dependence.

“Moving to 100 per cent imports could expose the state to supply chain shocks and price volatility,” he added.

Zainal Ariffin called for strengthened disease monitoring, citing past seizures of smuggled pork and pig carcasses.

He urged the State Health Department, Veterinary Services Department (DVS) and Malaysia Quarantine and Inspection Services (MAQIS) to enhance random sampling at cold storage facilities and verify veterinary documentation, particularly for imports from high-risk countries.

He added that Selangor could push for recognition of Modern Pig Farming certification under the Agriculture and Food Security Ministry, prioritising imports from countries such as Australia, the United Kingdom, and European Union members with high animal welfare standards and disease-free status.- BERNAMA

| [TERKINI] Selangor Henti Beri Lesen Ternak Babi, Ladang Sedia Ada ditutup Berperingkat | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Astro Awani | Malaysia | Dalam Talian | 12 Feb |



*Bagi ladang penternakan yang masih beroperasi, Kerajaan Negeri memutuskan supaya penutupan dibuat dengan kadar lebih pantas secara berperingkat, kata Amirudin. - Gambar fail*

KUALA LUMPUR: Kerajaan Negeri Selangor memutuskan untuk menghentikan pemberian lesen baharu penternakan babi di seluruh negeri berkuat kuasa serta-merta, selaras dengan titah terbaharu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang bagi membincangkan isu berkenaan, susulan titah baginda yang tidak memperkenankan sebarang aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.

Menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, sejak Januari lalu, kerajaan negeri telah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi baharu dan menumpukan usaha kepada pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjong Sepat, sebagai langkah awal menjunjung titah Sultan

Selangor yang dizahirkan sebelum ini.

"Bagi ladang penternakan yang masih beroperasi, Kerajaan Negeri memutuskan supaya penutupan dibuat dengan kadar lebih pantas secara berperingkat, dengan kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor.

"Ketika ini kira-kira 70 peratus keperluan daging babi bagi masyarakat bukan Islam di Selangor telah pun diperoleh melalui import dari negeri lain.

"Selepas keputusan terbaharu ini, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri berkaitan," kata beliau dalam satu kenyataan, pada Khamis.

Amirudin berkata, sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import selepas ini akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan, selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen di peringkat nasional.

Jelasnya, keputusan ini diambil bagi mengambil kira sensitiviti masyarakat, khususnya berkaitan kebimbangan terhadap impak ladang babi terhadap alam sekitar termasuk isu pencemaran air dan bau.

Beliau turut menyeru semua pihak menghentikan sebarang polemik berhubung isu penternakan babi agar tidak mengganggu keharmonian dan menimbulkan syak wasangka dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Selangor.-ASTROAWANI

| Selangor Henti Lesen Penternakan Babi, Tutup Segera Ladang | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| FMT | Tempatan | Dalam Talian | 12 Feb |




*Menteri Besar Amirudin Shari berkata keputusan itu diambil bagi jaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang babi kepada alam sekitar termasuk saliran air dan pencemaran bau.*

PETALING JAYA: Kerajaan Selangor mengambil keputusan menghentikan pemberian lesen penternakan babi dan menutup segera ladang-ladang ternakan yang masih beroperasi di negeri itu, kata Menteri Besar Amirudin Shari.

Amirudin berkata ketetapan itu dibuat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi menjunjung titah terbaharu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang tidak perkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di negeri itu.

"Melangkah ke hadapan, kerajaan negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di Selangor.

"Bagi ladang penternakan yang beroperasi sebelum ini, kawasan tersebut akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, 70% keperluan masyarakat bukan Islam bagi daging babi bersumberkan import dari negeri lain dan selepas keputusan itu, keseluruhan keperluan itu akan diimport sepenuhnya oleh industri terbabit.

“Keputusan ini diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan ini kepada alam sekitar termasuk saliran air dan pencemaran bau.

“Dengan keputusan ini, sebarang polemik berkaitan isu babi harus dihentikan dan tidak dipanjangkan oleh mana-mana pihak yang mungkin bertujuan menggugat keharmonian dan menimbulkan perasaan syak wasangka di antara masyarakat yang berbilang kaum dan agama,” katanya.

Selasa lalu, Sultan Sharafuddin bertitah supaya isu penternakan babi di Selangor ditamatkan sepenuhnya berikutan kesan terhadap alam sekitar serta mengambil kira komposisi demografi penduduk negeri itu.

Justeru itu, Sultan Sharafuddin bertitah supaya kerajaan dapat memberikan lesen mengimport daging babi bagi memenuhi keperluan orang bukan Islam di Selangor.

Baginda menzahirkan kebimbangan bahawa membenarkan ladang-ladang tersebut beroperasi akan mencemarkan kawasan tadahan air dan sungai yang membekalkan air bersih kepada penduduk di Lembah Klang.

Sebelum ini, campur tangan Sultan Selangor menyebabkan kerajaan negeri membatalkan cadangan untuk memusatkan industri penternakan babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor.-FMT

| Selangor Henti Lesen Penternakan Babi, Ladang Sedia Ada Ditutup Berperingkat – MB | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Malaysia Tribune | Berita Semasa | Dalam Talian | 12 Feb |




*Amirudin Shari*

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri Selangor memutuskan tidak lagi mengeluarkan lesen penternakan babi di negeri ini serta menutup secara berperingkat ladang sedia ada, selaras dengan titah terbaharu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Ketetapan itu diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang bagi membincangkan isu berkepentingan rakyat.

Menurut kenyataan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, Kerajaan Negeri menjunjung kasih atas titah Baginda yang menzahirkan tidak memperkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.

Katanya, sejak Januari lalu, kerajaan negeri telah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi serta memberi tumpuan kepada pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjong Sepat,

sebagai menjiwai titah Baginda yang dizahirkan sebelum ini.

“Melangkah ke depan, Kerajaan Negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di negeri Selangor,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, bagi ladang yang masih beroperasi, kawasan tersebut akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor.

Beliau memaklumkan, ketika ini kira-kira 70 peratus keperluan daging babi masyarakat bukan Islam di Selangor diperoleh melalui import dari negeri lain dan susulan keputusan MMKN, keseluruhan bekalan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terlibat.

Bagaimanapun, sebarang pengeluaran serta kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen.

Menurut Amirudin, keputusan itu diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang bimbang terhadap impak penternakan babi terhadap alam sekitar termasuk isu saliran air dan pencemaran bau.

Sehubungan itu, beliau menegaskan agar polemik berkaitan isu berkenaan dihentikan dan tidak dipanjangkan oleh mana-mana pihak sehingga boleh menggugat keharmonian serta menimbulkan syak wasangka dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Selangor.

Kenyataan itu dikeluarkan pada 12 Februari 2026.- MALAYSIATRIBUNE

| Import Lebih Wajar, Hormat Sensitiviti Majoriti | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Harakah Daily | Berita | Dalam Talian | 12 Feb |



*Wan Hasrina Wan Hassan*

SHAH ALAM: Dewan Muslimat PAS Negeri Selangor menegaskan, pendekatan kaedah pengimportan bagi memenuhi keperluan pihak bukan Islam adalah jalan tengah yang lebih harmoni serta menghormati sensitiviti masyarakat majoriti Muslim tanpa menafikan hak masyarakat lain.

Ketua Dewan Muslimat, Ustazah Wan Hasrina Wan Hassan berkata, pendekatan itu selari dengan titah Sultan Selangor yang tidak berkenan pelaksanaan penternakan babi di mana-mana daerah di negeri ini.

"Kami melihat titah tersebut sebagai satu keputusan yang amat bijaksana, berhemah serta mengambil kira kepentingan umum khususnya aspek kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar dan keharmonian masyarakat berbilang kaum serta agama di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, isu cadangan penternakan babi secara besar-besaran menimbulkan

kegusaran penduduk tempatan sejak sekian lama, terutamanya berkaitan pencemaran sumber air, pencemaran udara, risiko kesihatan awam dan kesan sosial kepada komuniti setempat.

"Negeri Selangor merupakan negeri berkepadatan tinggi dan menjadi sumber bekalan air utama kepada jutaan penduduk di Lembah Klang, justeru sebarang aktiviti yang berpotensi menjejaskan sumber air perlu dielakkan," tegasnya.

Wan Hasrina menyeru Kerajaan Negeri Selangor agar menghormati dan melaksanakan titah Sultan dengan penuh tanggungjawab serta menghentikan polemik berpanjangan yang boleh menjejaskan perpaduan rakyat.

Beliau turut menyeru seluruh rakyat agar bertenang, mengelakkan sebarang provokasi dan bersama-sama memelihara keamanan, keharmonian serta kesejahteraan negeri Selangor Darul Ehsan.

"Semoga Allah SWT memelihara Negeri Selangor dan memberkati pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku," tambahnya.

Terdahulu, Sultan Selangor dalam titahnya menegaskan Baginda tidak berkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor kerana berpotensi mencemarkan udara, sumber air serta menimbulkan bantahan penduduk tempatan.

Baginda menekankan penternakan berskala besar atau kecil tidak sesuai dilaksanakan di negeri ini kerana sumber tanah terhad dan nilai hartanah yang tinggi sepatutnya digunakan untuk tujuan lebih bermanfaat.

Baginda menasihatkan kerajaan negeri memberi lesen import daging babi bagi menampung keperluan orang bukan Islam dan menegaskan isu penternakan babi perlu dihentikan demi keamanan, keharmonian dan perpaduan masyarakat. – HARAKAHDAILY

| Tiada Lagi Ternakan Babi Di Selangor – Amirudin | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Malaysia Aktif | Berita Tempatan | Dalam Talian | 13 Feb |



SHAH ALAM, 12 Feb (MalaysiaAktif) – Kerajaan negeri Selangor memutuskan untuk tidak meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di seluruh negeri itu berkuat kuasa serta-merta.

Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ketetapan itu diambil Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi menjunjung kasih titah terbaharu Sultan Selangor,Sultan Sharafuddin Idris Shah yang tidak memperkenan aktiviti berkenaan dijalankan di mana-mana daerah di negeri tersebut.

Menurut beliau, sejak Januari lalu kerajaan negeri telah memberhentikan pengeluaran lesen baharu dan kini sedang memfokuskan kepada proses pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjong Sepat.

"Bagi ladang penternakan yang masih beroperasi sebelum ini, kawasan tersebut akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat dengan

kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor.

“Keputusan ini juga diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan ini kepada alam sekitar termasuk saliran air dan pencemaran bau,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mengulas mengenai bekalan daging babi bagi masyarakat bukan Islam, Amirudin menjelaskan bahawa keperluan tersebut akan beralih sepenuhnya kepada sumber import.

“Setakat ini, 70 peratus daripada keperluan sumber tersebut adalah diimport dari negeri lain. Selepas keputusan MMKN ini, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terbabit.

“Sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa semua pihak menghentikan sebarang polemik berkaitan isu tersebut demi menjaga keharmonian kaum di Selangor.

Tegasnya, isu berkenaan tidak seharusnya dipanjangkan oleh mana-mana pihak yang mempunyai niat untuk menggugat keharmonian atau menimbulkan rasa syak wasangka dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negeri itu.- MALAYSIAAKTIF

| Selangor Henti Keluar Lesen Penternakan Babi, Tutup Ladang Secara Berperingkat – MB | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Malaysia Gazette | Utama | Dalam Talian | 12 Feb |




*Amirudin Shari*

KUALA LUMPUR – Kerajaan Selangor memutuskan untuk tidak lagi mengeluarkan lesen baharu penternakan babi di mana-mana daerah di negeri itu serta menutup ladang sedia ada secara berperingkat susulan titah terbaharu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang tidak memperkenankan aktiviti berkenaan diteruskan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang baru-baru ini bagi menangani isu yang memberi kesan kepada rakyat serta menjaga keharmonian negeri.

Menurut beliau, sejak Januari lalu, kerajaan negeri telah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan memberi fokus kepada pengosongan tapak ladang sedia ada di Tanjong Sepat selaras dengan titah baginda yang dizahirkan bulan lalu.

"Menjunjung kasih titah

terbaharu Tuanku Sultan Selangor, kerajaan negeri tidak akan meneruskan pemberian lesen penternakan babi kepada mana-mana pihak di negeri ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau memaklumkan, bagi ladang yang masih beroperasi sebelum ini, kawasan tersebut akan ditutup dengan kadar lebih pantas secara berperingkat melalui kerjasama Jabatan Veterinar Selangor.

Mengulas bekalan daging babi, Amirudin berkata, ketika ini kira-kira 70 peratus keperluan masyarakat bukan Islam diperoleh melalui import dari negeri-negeri lain.

"Selepas keputusan MMKN ini, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri terlibat," ujarnya.

Tambah beliau, sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan selaras dengan bidang kuasa pemberian lesen.

Jelasnya, keputusan tersebut diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang penternakan babi terhadap alam sekitar termasuk isu saliran air dan pencemaran bau.

Sehubungan itu, beliau menegaskan agar sebarang polemik berkaitan isu berkenaan dihentikan dan tidak dipanjangkan oleh mana-mana pihak sehingga boleh menggugat keharmonian serta menimbulkan syak wasangka dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Selangor. – MALAYSIAGAZETTE

| Kerajaan Selangor Henti Lesen Baharu Ternakan Babi | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Malaysia Bangkit | Negeri | Dalam Talian | 12 Feb |



PETALING JAYA: Kerajaan Negeri Selangor menghentikan pemberian lesen baharu bagi penternakan babi di seluruh negeri itu serta merta selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu diambil dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang untuk membincangkan isu tersebut, berikutan titah baginda yang tidak memperkenankan sebarang aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.

Kata beliau, sejak Januari lalu, kerajaan negeri telah menghentikan pengeluaran lesen penternakan babi baharu dan memberi tumpuan kepada usaha pengosongan ladang sedia ada di Tanjong Sepat, sebagai langkah awal menghormati titah Sultan Selangor yang dinyatakan sebelum ini.

"Bagi ladang-ladang penternakan yang masih beroperasi, kerajaan negeri akan melaksanakan penutupan secara berperingkat dengan kerjasama Jabatan Veterinar Negeri Selangor," katanya.

Amirudin menambah, kira-kira 70 peratus keperluan daging babi untuk masyarakat bukan Islam di Selangor telah dipenuhi melalui import dari negeri lain.

"Selepas keputusan ini, keseluruhan keperluan tempatan akan diimport sepenuhnya oleh industri berkenaan," ujarnya.

Menurut beliau lagi, sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import akan dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan, selaras dengan kuasa pemberian lesen di peringkat nasional.

Keputusan ini diambil dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat, terutama berkaitan kebimbangan terhadap impak ladang babi terhadap alam sekitar seperti pencemaran air dan bau.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua pihak agar menghentikan sebarang polemik mengenai isu penternakan babi bagi memastikan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di Selangor terus terpelihara.- MALAYSIABANGKIT

| Makanan Ternakan Berasaskan PKE Kurangkan Kebergantungan Terhadap Bahan Mentah Import | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Berita RTM | Nasional | Dalam Talian | 12 Feb |



*Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu / Foto BERNAMA*

KUALA LUMPUR, 12 Februari – Bahan tempatan termasuk hasil sampingan daripada industri sawit, padi, daun mil serta produk agro industri seperti hampas soya dan sisa nenas, boleh dimanfaatkan secara optimum sebagai sumber makanan ternakan tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata hasil sampingan itu disifatkan berpotensi untuk menyediakan sumber tenaga dan protein alternatif, sekali gus, mengurangkan kebergantungan industri ternakan negara terhadap bahan makanan ternakan import.

Selain itu, kajian formulasi bagi menghasilkan makanan ternakan berasaskan Palm Kernel Expeller (PKE) atau isi rong sawit yang lebih berkualiti juga dilaksana oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

“Kos input makanan ternakan merupakan komponen

terbesar yang menyumbang sehingga 70 peratus daripada jumlah kos operasi keseluruhan pengeluaran sama ada dalam industri ruminan atau bukan ruminan. Hasil sampingan dari industri sawit yang diproses seperti Palm Kernel Expeller (PKE) dan Palm Kernel Cake (PKC) dapat dimanfaatkan sebagai makanan ternakan," katanya dalam sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat.

Datuk Seri Mohamad menjawab soalan dikemukakan ahli Parlimen Kuala Krau, Kamal Ashaari mengenai langkah Kerajaan mengawal kenaikan kos makanan ternakan sehingga 25 peratus akibat kebergantungan 70 peratus bahan mentah import serta strategi mengoptimumkan penggunaan Palm Kernel Expeller (PKE) bagi menstabilkan harga.

Kementerian itu juga katanya melaksanakan projek penanaman jagung bijian secara berperingkat bagi mengurangkan import bahan makanan ternakan, membabitkan keluasan tanaman sehingga 136,527 hektar.

Projek itu dijangka dapat mengeluarkan jagung bijian tempatan sebanyak 1.25 juta tan metrik.

Sehingga kini, 1,252 hektar kawasan penanaman jagung bijian telah dibangunkan melibatkan 143 petani dan 21 syarikat atau koperasi yang mampu menghasilkan 6,656 tan metrik pengeluaran jagung bijian.-BERITARTM

| Selangor Tutup Semua Ladang Babi, Keperluan Daging Diimport Sepenuhnya | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Buletin TV3 | Nasional | Dalam Talian | 12 Feb |



*Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari*

KUALA LUMPUR: Kerajaan Selangor memutuskan untuk menghentikan pemberian lesen penternakan babi dan akan menutup ladang-ladang yang masih beroperasi secara berperingkat.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dalam kenyataan turut mengumumkan keperluan daging babi akan diimport sepenuhnya bagi memenuhi keperluan tempatan.

"Sejak bulan Januari, Kerajaan Negeri telah memberhentikan pengeluaran lesen penternakan babi dan memfokuskan kepada pengosongan tapak ladang yang sedia ada di Tanjong Sepat, menjiwai titah Sultan Selangor yang dizahirkan baginda bulan lalu," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri tidak akan meluluskan sebarang permohonan lesen baru bagi penternakan babi.

"Keputusan ini diambil untuk menjaga sensitiviti masyarakat yang bimbang terhadap kesan penternakan

babi terhadap alam sekitar, termasuk isu pencemaran bau dan saliran air," katanya dalam satu kenyataan.

Amirudin menambah keputusan itu juga bertujuan mengelakkan sebarang polemik yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama.

"Dengan langkah ini, sebarang isu berkaitan penternakan babi di negeri ini diharapkan tidak dipanjangkan oleh mana-mana pihak yang boleh mencetuskan ketegangan antara masyarakat," katanya.- BULETINTV3

| Selangor Pilih Import Daging Babi Demi Kelestarian Alam - Pakar | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Malaysia Kini | Berita | Dalam Talian | 12 Feb |



*Foto Hiasan*

Keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengimport sepenuhnya daging babi bagi memenuhi permintaan pasaran negeri itu dilihat sebagai langkah mampan terhadap pemeliharaan alam sekitar berbanding meneruskan penternakan tempatan, walaupun dilaksanakan dengan kawalan ketat.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakaran, berkata pendekatan itu lebih selamat kerana faktor geografi dan rangkaian sistem perparitan Selangor saling bersambung dengan sungai, sekali gus menjadikan aktiviti penternakan berskala besar berisiko tinggi mencemarkan sumber air.

“Selangor adalah negeri maju, namun kekurangan sumber air mentah berkualiti. Ditambah pula sistem perparitan bersambung kepada sungai, maka operasi ladang yang tidak terkawal akan memberikan risiko pencemaran bau dan air.

“Jika dilihat daripada konteks kepadatan penduduk, kekurangan sumber air mentah, serta risiko pencemaran yang tinggi, keputusan ini adalah langkah yang lebih mampan,” katanya kepada Bernama.

Terdahulu, Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata kerajaan negeri bersetuju supaya keperluan daging babi bagi pasaran Selangor diimport sepenuhnya, selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, dengan sebarang pengeluaran dan kelulusan lesen import dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan.

Amirudin berkata ketika ini, 70 peratus keperluan daging babi di Selangor diimport dari negeri lain dan keputusan itu diambil bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang khuatir terhadap impak ladang babi kepada alam sekitar, termasuk pencemaran air dan bau.

Menjelas lanjut, Piarapakaran berkata kes pencemaran ladang babi di Tanjong Sepat sebelum ini memberi kesan kepada kawasan hilir sungai serta mengganggu ekosistem persisiran pantai, selain laporan tahunan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang mengenal pasti penternakan babi sebagai antara penyumbang utama pencemaran air di Malaysia setiap tahun.

Sehubungan itu, beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif, Centre for Water and Energy Sustainability (CWES), menegaskan sekiranya berlaku penutupan ladang, langkah pemulihan perlu diberi keutamaan termasuk rawatan dan pemuliharaan kolam olahan sisa bagi memastikan air bawah tanah serta efluen terawat dipulihkan.

“Pemantauan ekosistem sungai dan pesisir pantai adalah satu kemestian supaya status pemulihan dapat dipantau secara berkala. Sisa yang diolah juga perlu dilupuskan dengan kaedah yang sesuai,” katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata keputusan kerajaan negeri itu selari dengan Dasar Alam Sekitar Negara yang menekankan pembangunan mampan, pengurusan sumber secara bertanggungjawab, dan kepatuhan terhadap standard alam sekitar yang tinggi.

“Menuju sebagai negara maju, kita sepatutnya mempunyai industri ternakan yang moden, efisien, dan

dikawal rapi dengan prosedur ketat keselamatan makanan, kesejahteraan haiwan, dan kelestarian alam sekitar, tetapi realitinya kedua-dua elemen tersebut masih belum tercapai," katanya.

Beliau turut menekankan cabaran keselamatan makanan sekiranya Selangor beralih kepada import sepenuhnya, termasuk pengambilan bekalan dari luar negara kerana ia bukan sekadar isu kecukupan bekalan, tetapi tahap pergantungan yang terlalu tinggi.

"Cabaran sebenar bukan bekalan, tetapi pergantungan mutlak. Menteri Besar Selangor mengesahkan 70 peratus bekalan ketika ini sudah diimport dari negeri lain, jadi peralihan kepada 100 peratus import mendedahkan Selangor kepada risiko kejutan rantaian bekalan dan ketidaktentuan harga," katanya.

Zainal Ariffin turut menekankan bahawa mekanisme pengawasan penyakit perlu diperkasa segera, memandangkan terdapat insiden rampasan ratusan tan daging seludup dan bangkai babi haram.

Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga digesa mempertingkatkan pensampelan rawak di gudang sejuk beku serta pengesahan dokumen veterinar, khususnya dari negara berisiko.

"Walaupun kuasa pelesenan import terletak di bawah Persekutuan, Selangor boleh mendesak pengiktirafan bersama terhadap pensijilan setara dengan piawaian 'Modern Pig Farming' yang digariskan KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia).

"Sumber import dari negara seperti Australia, United Kingdom, dan Kesatuan Eropah wajar diutamakan kerana status bebas penyakit serta piawaian kebajikan haiwan yang tinggi, selain boleh mencadangkan pelaksanaan senarai putih ladang sumber yang diaudit oleh DVS dan bukan sekadar bergantung kepada dokumen permit semata-mata," katanya.- MALAYSIAKINI

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR